



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA



Dapatkan berita menarik di dalam...

Sidang Redaksi



<i>Penaung</i>	:	<i>Yang Berbahagia Prof. Madya Dr. Azizan bin Abdullah</i>
<i>Penasihat</i>	:	<i>Puan Maznah binti A. Hamid</i>
<i>Pengarang</i>	:	<i>Puan Siti Rozana binti Mat Sanat</i> <i>Encik Mohd Hafiz binti Kasirun</i> <i>Puan Mawar Noor binti Abdullah</i> <i>Encik Idris bin Muhammad</i> <i>Cik Nor Azelea binti Mohd Azahar</i>
<i>Editor</i>	:	<i>Encik Abdul Razak bin Abu</i> <i>Encik Roslan bin Mohd Nor</i>
<i>Percetakan</i>	:	<i>Puan Norme binti Hj Saleh</i>
<i>Rekaletak/Konsep</i>	:	<i>Encik Mohd Danial bin Daud</i> <i>Saudari Norazra binti Rahmat</i> <i>(Pelajar Praktikal Feb - Jun 2015)</i> <i>Saudari Nur Areena Aqilah binti Mohd Sapri</i> <i>(Pelajar Praktikal Ogos - Disember 2015)</i>
<i>Edaran</i>	:	<i>Encik Juharie bin Jemain</i>

KHABAR DARI KAMPUS PASIR GUDANG

Oleh : Nor Azelea binti Mohd Azahar

JOM KE LIBRARY SIRI 1 2015

Jom ke Library Siri 1 telah dilaksanakan pada 8 – 18 Februari 2015 yang lalu. Pelbagai aktiviti telah dirangka dan dilaksanakan bagi menjayakan program ini. Acara dimulakan dengan pertandingan Teka Silangkata dan Sudoku. Masa diberikan selama seminggu kepada peserta untuk menyiapkan set yang dipertandingkan.

Acara lain adalah Dam Haji pada 11 Februari, Sahibba pada 12 Februari dan Carrom pada 16 Februari. Call of Duty adalah pertandingan kerjasama antara pihak PTDI dan unit IT yang dijalankan pada 15 Februari. Selain pertandingan yang menjanjikan hadiah yang lumayan kepada pemenang, turut terdapat in-house game yang disediakan sepanjang program berlangsung iaitu permainan ceper, dart dan batu seremban.

Menariknya, semua pertandingan melibatkan para pelajar dan staf. Di samping itu, beberapa tayangan filem turut diadakan sepanjang program berlangsung.



COME, JOIN US

Ada beberapa aktiviti hasil kerjasama di antara PTDI Kampus Pasir Gudang. Program hasil kerjasama dengan unit ACIS adalah ceramah agama dan pertandingan busana muslimah. Ceramah ini disampaikan oleh Ustazah Fatimah Syarha yang bertajuk "I want to be classy in syari'e way...". Beliau juga merupakan penulis novel yang bertajuk 'Cinta High Class'. Pertandingan busana muslimah dilaksanakan di ruang legar PTDI. Pertandingan ini hanya dapat ditonton oleh siswi sahaja.

Hasil kerjasama dengan Kelab Makers (MaC) berlangsunglah program Tinker Innovation & Entrepreneurship Challenge (T.I.E.C). Program ini merupakan program bercorak akademik berteraskan teknikal untuk merekapi dan mengkaji semula produk terkini selaras dengan permintaan industri serta menanam sifat keusahawanan dalam inovasi rekaan.

Pelbagai rekaan yang menarik muncul dan kepetahan pelajar untuk menyakinkan juri serta menarik kunjungan penonton program yang dianjurkan ini.

